

**KOMPETENSI PELAJAR DALAM MEMENUHI KEPERLUAN INDUSTRI:
KAJIAN PERSEPSI MAJIKAN INDUSTRI BAGI KEBOLEHPASARAN
PELAJAR FAKULTI PENGAJIAN ISLAM KUIPs
(STUDENTS COMPETENCIES IN ACHIEVING THE NEEDS OF
INDUSTRY: A STUDY ON THE PERCEPTION OF EMPLOYERS FOR
THE MARKETABILITY OF STUDENTS FROM FACULTY OF ISLAMIC
STUDIES KUIPs)**

Azhan Taqiyaddin Arizan (*Corresponding author*)
Faculty of Islamic Studies, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)
02000, Kuala Perlis, Perlis, Malaysia
E-mail: azhan@kuips.edu.my

Nurul Husna Mat Isa
Faculty of Islamic Studies, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)
02000, Kuala Perlis, Perlis, Malaysia
E-mail: nurul.husna@kuips.edu.my

Mariyah Ishak
Faculty of Islamic Studies, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)
02000, Kuala Perlis, Perlis, Malaysia
E-mail: mariyah@kuips.edu.my

*Article
Progress:*

*Submission date:
29 Sept 2022
Accepted date:
08 Nov 2022*

ABSTRACT

This study aims to look into the students competencies from the industry as a preparation to attain the marketability among the students of Islamic Studies from Islamic University College of Perlis through employers' perceptions during industrial training. This study aims to be the main outline that needs to be formed according to the current demand of the industry. Graduate student should have competent power and career skills to enhance competitiveness and capability. The university also plays a role in producing competencies and softskills among graduates and as a preparation to achieve the needs of the industry. This study is a quantitative study that used questionnaire form as a research instrument. Surveys were conducted on 16 employers from different industrial sectors as well as on 16 students in the Faculty of Islamic Studies, Islamic University College of Perlis for the February 2022 session. The questions asked regarding significant levels related to the students achievement undergoing industrial training. The results of this survey found that there are several aspects of digital skills and soft skills that can be improved as a preparation of lessons that meet the requirements of the industry. However, the results showed that the results of 87.5 percent by industry employers on students undergoing industrial training are competent and reaching out the competitive and needs of industry.

Keywords: *Competency, Marketability, Skills, Industrial Training, Employer Perception, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs)*

PENGENALAN

Dunia hari ini menterjemah memiliki segulung sijil pengajian tinggi tidak menjamin kebolehpasaran seseorang graduan mahasiswa. Para graduan seharusnya mempunyai daya kompetensi dan kemahiran dalam kerjaya bagi meningkatkan daya saing di pasaran pekerjaan. Aspek sesebuah program di universiti bertujuan mencapai objektif pembelajaran program (*Program Educational Objectives*) (PEO) yang akan mencerminkan ciri-ciri graduan yang terhasil setelah tamat pengajian di Kolej Universiti Islam Perlis. Di samping itu, hasil program (*Program Outcome*) (PO) digubal dan diukur menggunakan kaedah tertentu bagi setiap program yang dibina sejurus selesai menamatkan pengajian. Justeru, dalam menyelesaikan keseluruhan aspek program dan keupayaan menyesuaikan diri dengan aspek persekitaran yang relevan, pihak universiti perlu membangunkan pelajar yang memenuhi objektif serta keperluan industri semasa.

Latihan Industri merupakan salah satu syarat wajib bagi pelajar dalam program pengajian tertentu di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia termasuklah di Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs). Kursus ini direka sebagai satu platform kepada para graduan IPT terutamanya bakal graduan KUIPs dalam memberi pendedahan pengalaman kerja yang sebenar serta meningkatkan tahap kebolehpasaran (*marketability*) graduan itu sendiri serta mampu memenuhi permintaan dan keperluan industri semasa. Pelajar Fakulti Pengajian Islam KUIPs akan menjalani program latihan industri selama 18 minggu pada setiap akhir semester.

Terdapat pelbagai isu yang timbul dalam pengurusan latihan industri dan institusi pengajian dalam menangani masalah pengangguran masa kini. Perkara yang paling utama ialah pelajar seharusnya dibekalkan mengikut kehendak dan keperluan industri semasa mengikut peredaran zaman dalam kepelbagaian sektor dan bidang pengajian. Oleh itu, latihan industri yang sesuai dengan bidang pengajian perlu dibekalkan dengan kemahiran dan modal insan yang bertepatan dengan pekerjaan. Kesilapan memilih tempat latihan industri bakal memberikan masalah kepada para pelajar. Menurut Salas et.al. (2012), bagi membolehkan pelajar berkebolehpasaran, pelajar perlu dibekalkan dengan satu persekitaran yang positif bagi mengaplikasi apa yang telah dipelajari daripada universiti dalam latihan seterusnya meningkatkan keberkesanan industri. Peluang untuk mengaplikasi ilmu pengetahuan dan kemahiran akademik ketika berada dalam pekerjaan menjadi objektif utama latihan industri dijalankan (Sharifah et al., 2015).

Dalam melahirkan pekerja yang berkualiti dan berdaya saing, pengkaji ingin mengenal pasti persepsi terhadap kemahiran dan kebolehpasaran semasa pelajar menjalani latihan industri. Selain itu, pengkaji juga dapat menyenaraikan kemahiran yang diperlukan oleh industri kepada pelajar untuk di implikasi di alam kerjaya. Seterusnya, pengkaji ingin mengenal pasti persepsi majikan terhadap kebolehan pelajar dari segi aplikasi kemahiran digital, insaniah dan modal insan yang dipelajari semasa latihan industri secara keseluruhan. Pemilihan tempat industri juga memainkan peranan yang penting dalam memotivasikan pelajar dan membantu dari aspek kemahiran yang diperlukan dalam industri. Oleh yang demikian, industri yang baik dan cemerlang seharusnya dipilih oleh pelajar sebagai persediaan menghadapi dunia kerjaya selepas tamat belajar.

Objektif kajian adalah mengenal pasti faktor yang menjadi keperluan industri terhadap kebolehpasaran graduan Kolej Universiti Islam KUIPs. Kajian ini juga dapat meneroka sudut kemahiran khusus seperti kemahiran digital dan modal insan yang diperlukan bagi menjana graduan yang berkompentensi mengikut cita rasa industri semasa dan kebolehpasaran bagi pelajar graduan Fakulti Pengajian Islam Kolej Universiti Islam Perlis.

SOROTAN LITERATUR

Kajian lepas yang dilakukan oleh Muhammad et.al. (2016) mengkaji keberkesanan pelaksanaan sistem latihan amali menunjukkan kesan yang positif serta memuaskan dalam memenuhi kriteria keyakinan dan keberkesanan bagi sesebuah institusi pengajian. Najah & Hamdi (2017) menyatakan impak semasa latihan industri memberi perubahan yang positif dalam diri graduan dari aspek aplikasi ilmu, emosi, intelektual, karakter yang akan memberi manfaat di alam kerjaya kepada graduan biasa mahupun orang kurang upaya.

Di peringkat individu pelajar, masih wujud kebimbangan sejauh mana graduan berpuas hati dengan kaedah latihan industri yang dilalui. Omar et. al. (2017) menjelaskan kepuasan latihan industri juga berperanan sebagai impak kebolehgajian graduan selepas tamat pengajian. Siti (2018) mendapati penggunaan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari di universiti boleh merangsang motivasi graduan serta mempengaruhi keberkesanan sesebuah industri. Begitu juga dengan kualiti perkhidmatan institusi mempunyai hubungan terhadap kebolehgajian atau kebolehpasaran setelah diberikan penelitian sewajarnya kepada pelajar bagi memenuhi keperluan industri kerjaya (Asrin & Abdul, 2019).

Al-Qaradawi menjelaskan remaja yang cemerlang ialah remaja yang memiliki didikan Islam yang dibekalkan dengan semua ilmu yang komprehensif termasuklah sahsiahnya yang mulia. Oleh itu, faktor keperibadian dan personaliti juga penting bagi menyerlahkan keperibadian yang baik menyebabkan majikan tertarik semasa sesi temuduga (Saidin, Ismail dan Khari, 2018). Sekiranya hal ini tidak diselesaikan, ramai graduan tidak dapat bersaing dalam mendapatkan kerja disebabkan kekurangan daripada sudut kemahiran insaniah seperti penguasaan bahasa, kewibawaan dan seumpamanya (Sinar Harian, 2017).

Selain itu, berdasarkan kepada sorotan kajian, para pengkaji mendapati, kebolehpasaran dengan kemahiran lain juga diperlukan sebagai penglibatan atau nilai tambah kepada pelajar lebih meluas merentasi fakulti dan bidang pengajian seperti Khadija, Nur & Norsyafiqah (2019) menyatakan kemahiran lain mampu memenuhi padanan di alam kerjaya dan jaringan industri yang lebih efektif. Walaubagaimanapun, Mesheta & Norazah (2020) menekankan persepsi majikan terhadap kemahiran pelajar juga menunjukkan hubungan yang lemah terhadap graduan masa kini menyebabkan wujudnya keperluan meningkatkan kemahiran para pelajar berterusan di samping pendedahan teknologi terkini mengikut kehendak industri semasa.

METODOLOGI

Kajian yang dijalankan berbentuk kuantitatif yang menggunakan borang soal selidik yang disediakan oleh pihak pengkaji dengan kerjasama pihak Latihan Industri dan Alumni Kolej Universiti Islam Perlis (ITAC). Bagi memastikan kesahan borang soal selidik ini, kajian rintis telah dijalankan ke atas 16 orang majikan yang didaftarkan oleh Pihak Latihan Industri Kolej universiti Islam Perlis pada sesi Februari 2021/2022. Borang soal selidik ini terbahagi kepada 2 bahagian iaitu:

Bahagian A: Demografi Responden (Maklumat Industri)

Bahagian B: Kajian Terhadap Persepsi Majikan Industri Bagi Kebolehpasaran Pelajar Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis mengikut aspek:

1. Kesesuaian tempat latihan industri
2. Penguasaan Ilmu
3. Kemahiran Digital
4. Kemahiran Insaniah
5. Modal insan dan keperibadian

Soal selidik ini mengandungi 16 soalan yang diedarkan kepada pihak industri majikan semasa latihan industri dijalankan dan semasa sesi penyeliaan. Instrumen soal selidik ini mengukur elemen-elemen seperti kesepadanan tempat menjalani latihan industri berdasarkan bidang pengajian, kursus atau mata pelajaran, penggunaan kemahiran teknologi digital, keperibadian dan profesional, pendedahan kriteria graduan yang berkompotensi diperlukan oleh pihak industri dan berdaya saing dalam sektor kerjaya dan relevan program latihan industri.

Kesepadanan tempat menjalani latihan industri berdasarkan bidang pengajian pelajar yang telah didaftarkan oleh pelajar di Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis turut dikaji daripada aspek struktur operasi, organisasi, prosedur dan polisi memenuhi aspek kerjaya yang sepadan di tempat latihan industri. Selain itu, kursus atau mata pelajaran pula dinilai melalui tahap penguasaan pelajar terhadap mata pelajaran yang diambil semasa sesi pengajian dan pembelajaran serta penambahbaikan kursus yang perlu bagi memenuhi kriteria pihak industri.

Seterusnya, elemen penggunaan kemahiran teknologi digital dinilai melalui penggunaan perkakasan dan perisian ICT dan beretika (Hazilah et al. 2013). Penggunaan perisian digital di analisis mengikut jenis perisian ICT yang menjadi keperluan tempat industri tersebut. Selain itu, elemen keperibadian dan profesional ditunjukkan melalui analisis kemahiran insaniah dan modal insan yang diberikan oleh pelajar semasa menjalani latihan industri dan yang diperlukan oleh pihak industri. Kriteria elemen graduan yang berkompotensi diperlukan oleh pihak industri dan berdaya saing dalam sektor kerjaya di analisis berdasarkan kesan menjalankan latihan industri kepada pelajar, pendedahan dari segi aspek kerjaya oleh pihak industri yang dilengkapi dengan moral dan etika menjadikan kebolehpasaran pelajar tersebut.

Populasi kajian terdiri daripada 16 orang pelajar Fakulti Pengajian Islam yang menjalani latihan industri. Menurut Chua (2009), perkara yang penting adalah ujian statistik menunjukkan dapatan adalah bertaburan normal dalam sesuatu kajian serta memadai 15 orang untuk sesuatu kumpulan populasi kajian. Kajian ini menggunakan 16 orang pelajar yang menjalani latihan industri pada semester Februari 2021/2022 sebagai sampel kajian yang dipilih mengikut penawaran kursus bagi Fakulti Pengajian Islam Kolej Universiti Perlis.

PERBINCANGAN HASIL KAJIAN

Hasil dapatan daripada pihak industri menunjukkan pelajar yang menjalani latihan industri seperti yang didaftarkan oleh pelajar dan pihak latihan industri dan Alumni Kolej Universiti Islam Perlis memenuhi keperluan industri masa kini dengan peratusan sebanyak 100%. Sebanyak 15 majikan industri telah menyatakan bahawa tempat latihan yang ditempatkan bersesuaian dengan bidang pengajian pelajar Fakulti Pengajian Islam KUIPS dengan peratusan 93.8% dan sebanyak 6.3% bersamaan 1 majikan industri menyatakan pelajar yang ditempatkan di tempatnya iaitu syarikat Andaman *SM Enterprise* tidak sesuai dengan bidang pengajian pelajar tersebut. Selain itu, pihak Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis telah memberi respon bahawa keperluan kepada diploma lanjutan bagi Sarjana Syariah yang bersesuaian dengan bidang kehakiman akan membolehkan pelajar memenuhi kriteria industri tersebut. Selain itu, dengan respons sebanyak 93.8% yang terdiri daripada 15 orang majikan memberi pendedahan awal yang bermanfaat kepada pelajar semasa menjalani latihan industri. Hal ini menyebabkan 87.5% daripada respons majikan industri menyatakan pelajar Kolej Universiti Islam Perlis memenuhi kebolehpasaran dan berdaya saing dengan graduan universiti lain bagi menempatkan diri di alam kerjaya pada masa sekarang.

Walaupun dapatan kajian menunjukkan bidang pengajian pelajar yang menjalani latihan industri memenuhi kriteria kerjaya di tempat latihan masing-masing iaitu mencapai sebanyak 93.8%, majikan industri menyatakan adanya keperluan untuk menguasai kursus atau mata pelajaran bagi memenuhi keperluan industri semasa, serta menambah baik beberapa kursus seperti yang terdapat dalam Jadual 1 di bawah:

Kursus Perlu Dikuasai	Peratus (%)	Jumlah responden	Kursus Perlu Ditambah Baik	Peratus (%)	Jumlah responden
Bahasa Arab	12.6	2	Problem Based Learning	6.3	1
Kemahiran Teknologi (Bahasa Arab)	6.3	1	Asas Kemahiran Bahasa Arab	6.3	1
Kemahiran Berkomunikasi	6.3	1	Bahasa Arab	6.3	1
Penggunaan Media Sosial (Pemasaran)	6.3	1	Dakwah Kontemporari	6.3	1
Kemahiran Mengajar Kanak-kanak	6.3	1	IT	6.3	1
Kemahiran Teknologi & Digital	6.3	1	Penggunaan Media Sosial (Dakwah & Perniagaan)	6.3	1

Kursus Pematuhan Pelayan Masyarakat Awam	6.3	1	<i>Softskill</i>	6.3	1
Multimedia	12.6	2	Multimedia	6.3	1
Pengurusan Majlis	6.3	1	Pelayanan Masyarakat Awam	6.3	1
Perundangan Syariah Negeri	6.3	1	Teknik Pengajaran Bahasa Arab	6.3	1
Syariah	6.3	1	Kemahiran Komunikasi	6.3	1
Dakwah	6.3	1	Tiada	18.8	3
Teknologi Maklumat	6.3	1			
Pengurusan Program	6.3	1			
Tiada	12.6	2			

Jadual 1 : Persepsi majikan terhadap kursus yang perlu dikuasai dan perlu ditambah baik

Keperluan penguasaan terhadap subjek bahasa Arab dan multimedia mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 12.6%, manakala penguasaan terhadap subjek yang lain mencatat peratusan sebanyak 6.3%. Kursus yang perlu ditambah baik pula masing-masing mencatatkan sebanyak 6.3% seperti *problem based learning*, bahasa Arab, kemahiran komunikasi dan lain-lain. Menurut Eriniwati Aliza Miaat (2014), kemahiran komunikasi merupakan kemahiran yang mempunyai nilai tertinggi paling dikehendaki oleh industri. Manakala Siti Halijah & Mohd Faizal (2019) menyatakan bahawa antara rungutan yang sering dikemukakan oleh majikan adalah kelemahan para graduan dalam aspek kemahiran insaniah (*soft skills*) seperti kemahiran komunikasi, penguasaan bahasa Inggeris, keyakinan diri, kerja berpasukan dan sebagainya, dan baki adalah seperti yang terdapat dalam jadual di atas. Bagi memenuhi keperluan industri, terdapat beberapa kemahiran yang perlu dikuasai oleh pelajar, antaranya adalah *Microsoft Office (Word)* dan *Microsoft Office (Powerpoint)* yang mencatatkan jumlah peratusan tertinggi iaitu sebanyak 81.3%, diikuti dengan *Microsoft Office (Excel)*, *Adobe Photoshop* dan *Editing Video* sebanyak 62.5%. Manakala peratusan terendah adalah kemahiran menguasai media sosial terkini iaitu sebanyak 6.3% seperti yang terdapat dalam Jadual 2 di bawah:

Kemahiran Digital	Peratus (%)	Jumlah responden
<i>Microsoft Office (Word)</i>	81.3	13
<i>Microsoft Office (Excel)</i>	62.5	10
<i>Microsoft Office (Powerpoint)</i>	81.3	13
<i>Adobe Photoshop</i>	62.5	10
<i>Programming</i>	37.5	6

<i>Editing Video</i>	62.5	10
Canva	43.8	7
Media Sosial Terkini	6.3	1

Jadual 2: Persepsi majikan terhadap kemahiran digital yang diperlukan

Seterusnya, pengkaji mengkaji persepsi majikan ke atas kemahiran yang diperlukan oleh para pelatih industri bagi memenuhi kehendak pasaran pekerjaan. Berdasarkan kaji selidik yang dijalankan, kesemua 16 orang penyelia industri bersetuju bahawa pelajar Fakulti Pengajian Islam Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) telah menunjukkan modal insan sepanjang menjalani latihan industri di tempat mereka. Oleh itu, hasil kaji selidik menunjukkan terdapat beberapa kemahiran insaniah yang diperlukan bagi memenuhi kehendak industri dan berkait rapat dengan tahap kepuasan dan persepsi majikan. Jadual di bawah merupakan jawapan responden terhadap kaji selidik yang dijalankan:

Kemahiran Insaniah	Peratus	Jumlah Responden
Pengetahuan, Pandai Bertutur dan Bekerja Dalam Kumpulan	87.5%	14
Penyelesaian Masalah dan Pemikiran Kritis	81.3%	13
Kepimpinan	68.8%	11
Kemahiran Pengiraan Matematik	37.5%	6
Keusahawanan	31.3%	5

Jadual 3 : Persepsi majikan terhadap keperluan kemahiran insaniah

Modal Insan	Peratus	Jumlah Responden
Semangat	75%	12
Tegas	62.5%	10
Amanah dan Bertanggungjawab	56.3%	9
Bertimbang rasa, Menepati Masa dan Bertolak Ansur	50%	8
Adil	37.5%	6
Keyakinan diri, Berminat dengan penganjuran program dakwah luaran	6.3%	1

Jadual 4 : Persepsi majikan terhadap keperluan modal insan

Dapatan kajian dalam Jadual 4 menunjukkan bahawa kemahiran insaniah yang paling diperlukan bagi memenuhi kehendak industri di alam kerjaya ialah pengetahuan, pandai bertutur (komunikasi) dan bekerja dalam kumpulan dengan peratusan tertinggi sebanyak 87.5%. Seterusnya diikuti oleh kemahiran penyelesaian masalah dan pemikiran kritis (81.3%), kepimpinan (75%) dan kemahiran pengiraan matematik. Manakala peratusan terendah ialah kemahiran keusahawanan (31.3%). Selain itu, berdasarkan maklum balas yang diterima

daripada penyelia industri menunjukkan beberapa ciri modal insan atau etika keperibadian yang akan menjadi nilai tambah bagi memenuhi kriteria keperluan kerjaya. Antara ciri yang dicadangkan ialah semangat (75%), tegas (62.5%), amanah dan bertanggungjawab (56.3%) serta bertimbang rasa, menepati masa dan bertolak ansur (50%). Oleh yang demikian pihak Fakulti Pengajian Islam Perlis perlu membekalkan pelajar mengikut kehendak yang di senaraikan oleh majikan industri.

PENUTUP

Hasil kajian ini membawakan perbincangan yang komprehensif mengenai penghasilan graduan oleh Fakulti Pengajian Islam KUIPs yang mencapai tahap kompetensi dan kebolehpasaran serta mengikut keperluan industri semasa. Impak positif terhadap masyarakat adalah dapat meningkatkan modal insan dan keperluan menguasai kemahiran-kemahiran yang ada dalam industri bagi menghasilkan masyarakat yang berdaya saing dalam dunia kerjaya, seterusnya memberikan impak kepada ekonomi apabila masyarakat Islam secara amnya memenuhi kriteria industri selepas tamat pengajian di Universiti. Ini secara tidak langsung akan mengurangkan tahap pengangguran serta membawa perkembangan yang baik terhadap sektor ekonomi. Demikian juga hasil kajian memberi kesan yang positif terhadap pengurusan akademik apabila dapat menyumbang pengetahuan baru dan kemahiran mengikut kehendak industri. Kesemua impak positif ini secara tidak langsung mempengaruhi aspek kelestarian negara bagi tempoh masa yang panjang.

Kesimpulannya, dapat dirumuskan persepsi majikan dalam memenuhi kebolehpasaran pelajar Fakulti Pengajian Islam Kolej Universiti Islam Perlis berdasarkan aspek bidang pengajian, kursus dan mata pelajaran, kemahiran digital, modal insan dan kemahiran insaniah telah mencapai tahap yang baik. Walaubagaimanapun, setiap kemahiran yang telah disenaraikan oleh pihak industri perlu ditambah baik dan dipenuhi oleh pihak Fakulti Pengajian Islam Kolej Universiti Islam Perlis melalui penekanan dalam akademik atau melalui program-program berbentuk *upskilling* dan *reskilling* sebelum menempuhi alam kerjaya. Justeru itu, persediaan kepada pensyarah juga perlu diberi penekanan terhadap perkembangan teknologi dan kemahiran terkini bagi meningkatkan serta mengekalkan peranan Kolej Universiti Islam Perlis bagi melahirkan graduan berkemahiran dan meningkatkan dari aspek kecemerlangan kapasiti bakat (Razzian et. al. 2017).

Penemuan kajian ini sudah pasti membawa satu dimensi yang baru dalam pengurusan akademik Fakulti Pengajian Islam KUIPs, dan menjadi keperluan kepada perbincangan

seterusnya pada masa akan datang dalam meneraju kebolehpasaran dan perkembangan graduan bertaraf universiti. Justeru, secara tidak langsung hasil kajian ini membawa sumbangan kepada pengetahuan dan penstrukturan baru kepada pelajar terutama dalam bidang pengajian Islam.

RUJUKAN

- Khadijah A., Nur H. H., Norsyafiqah F. (2019) Latihan Industri Berpaksikan Vokasional Penjagaan Warga Emas Dalam Kursus Kerja Sosial Gerontologi, FSSK, UKM Industrial Training Focused on Vocational Senior Citizen Care in Gerontology Social Work Course, FSSKUKM, ISSN: 1985-5826, AJTLHE Vol.11 No.1, June 2019, 48-58
- Najah N. A., Hamdi I, (2017)Service-Learning Bersama OKU: Pengalaman Latihan Industri Pelajar FPIUKM, Jurnal al-Turath; Vol. 2, No. 1; 2017, e-ISSN 0128-0899
- Mesheta M.N., Norazah A. (2020)Persepsi Majikan Terhadap Pelajar Kolej Komuniti Jempol semasa Menjalani Latihan Industri, BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences, Volume 3, Issue 4, 2020: 026-035
- Muhammad Z., Norinsan K. O. et al (2016)Keberkesanan Pelaksanaan Sistem Latihan / Amali Industri Dalam Pengurusan Penempatan Latihan Industri bagi Pelajar Pusat Pengajian Fizik Gunaan, Jurnal Personalia Pelajar 19 (2016): 52 - 64
- Razzian Mat Razali, Rasmuna Hussain dan Ahmad Khairunizam (2017): Laporan Kajian Persepsi Warga Kolej Komuniti Terhadap Peranan dan Fungsi Kolej Komuniti. Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Life Long Learning, Vol.1
- Salas, E., Tannenbaum, S. I., Kraiger, K., & Smith-Jentsch, K. A. (2012). The Science of Training and Development in Organizations: What Matters in Practice. Psychological Science in the Public Interest, Supplement, 13(2), 74-101. <https://doi.org/10.1177/1529100612436661>
- Sharifah Hana, A. R., Zaini Yusnita, M. J., Rabi'ah, M. S., & Maffuza, S. (2015). Faktor-faktor Kepuasan Majikan Terhadap Pelajar Latihan Industri Di Institut Pengajian Tinggi (IPT): Satu Sorotan. *ICASiC2015 (e-ISBN 978-967-0792-02-6)*.

- Siti Fardaniah, A. A. (2018). Bagaimana Organisasi Boleh Memotivasikan Pekerja untuk Belajar dalam Latihan : Persepsi Ahli Akademik. *Jurnal Akademika*, 88(2), 5-20. <https://doi.org/10.17576/akad-2018-8802-01>
- Eriniwati Aliza binti Miaat (2014). Faktor Yang Mendorong Kecenderungan Pelajar Kolej Vokasional Ke Arah Bidang Keusahawanan. Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional, UTHM.
- Siti Halijah Ngadiman & Mohd Faizal Jamaluddin (2018). Hubungan Di Antara Kemahiran Kerja Berpasukan & Kemahiran Komunikasi Dalam Kalangan Pelajar Semester Akhir Politeknik. *International Journal Of Education, Psychology And Counseling*, (3) (19), 1-18
- Sinar Harian (2017). Graduan dan Pengangguran. Diperoleh dari <http://www.sinarharian.com.my/kampus/graduan-pengangguran-1.754233> pada Oktober 05, 2018
- Saidin, S. S., Ismail, I., dan Khari, Z. M., (2018).Keberkesanan Latihan Industri Sebagai Faktor Kebolehpasaran Graduan Kolej Komuniti Baling. *E-Proceedings National Innovation and Invention Competition through Exhibition 2018*